



**EDISI 2018**  
**JANUARI - DISEMBER**



**e-BULETIN**

**HOSPITAL BANTING**

# *Selamat Datang* 2018

---

*Hujung minggu pergi berburu  
Menyeberang sungai menaiki sampan  
Meriahnya bunga api di tahun baru  
Tahun baru merasmi lembaran kehidupan*

*Petani di sawah menanam padi  
Semangat bekerja, hati penuh gembira  
Ciptakan kenangan indah yang abadi  
Selamat tahun baru, semoga sejahtera*

# SELEKSI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Latar Belakang Hospital Banting	1
Kata Aluan Pengarah	2
Barisan Pengarah	3
Waktu Operasi Hospital Banting	4
Unit Penyeliaan	5
Jabatan Pediatrik	6
Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental	8
Jabatan Farmasi	9
Unit Aset dan Stor	11
Unit Haemodialisis	13
Jabatan Obstetrik & Ginekologi	14
Jabatan Pembedahan Am	15
Jabatan Dietitik dan Sajian	16
Aktiviti- Aktiviti Jabatan Radiologi	18
Unit Kejururawatan	19
Unit Perubatan Forensik	20
Unit Kerja Sosial	21
Jabatan Patologi	22
Unit Hal Ehwal Islam	23
Info Kesihatan	25
Sudut Hiburan	26

# Latar Belakang Hospital Banting



## Latar Belakang


Hospital Banting dibuka dengan rasminya pada 6 Februari 1975 oleh DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj dengan kos pembinaan sebanyak RM 3.2 Juta dan keluasan 10.48 Hektar. Lokasi hospital ini terletak di Jalan Morib bersebelahan Balai Polis Banting.

Mengikut perangkaan, pada tahun 1974 jumlah kemasukkan pesakit adalah sebanyak 672 orang pesakit dengan kadar penggunaan katil sebanyak 51.13% dan meningkat kepada 3652 kemasukkan dengan kadar penggunaan katil sebanyak 70.04% bagi tahun 1975

## Perkembangan

Hospital Banting terus berkembang dengan penambahan beberapa buah wad iaitu pada tahun 1991, Wad 5 ( Perubatan Lelaki ), Wad 6 ( Pembedahan dan Orthopedik ) telah diwujudkan manakala pada tahun 2000, Unit Hemodialisis, Blok Pentadbiran, Unit Rekod Perubatan dan Fisioterapi telah diwujudkan. Pada tahun 2005, Unit Geriaterik pula telah diwujudkan

Dibawah projek Rancangan Malaysia ke 8 ( RMK8 ), Bangunan Unit Rawatan Rapi ( ICU ) telah siap dibina dan Perumahan kakitangan ( Kuarters ) terdiri dari 8 unit kelas D dan 16 unit kelas C telah siap untuk diduduki oleh anggota. Secara keseluruhan pada pada Disember 2008, Hospital Banting telah mempunyai 6 buah wad dengan 151 buah katil berbanding dengan 96 buah katil pada tahun 1975. Pada Oktober 2009, unit CCU telah dibuka secara rasmi dengan 2 buah katil beroperasi.



Dibawah projek Rancangan Malaysia ke 8 ( RMK8 ), Bangunan Unit Rawatan Rapi ( ICU ) telah siap dibina dan Perumahan kakitangan ( Kuarters ) terdiri dari 8 unit kelas D dan 16 unit kelas C telah siap untuk diduduki oleh anggota. Secara keseluruhan pada pada Disember 2008, Hospital Banting telah mempunyai 6 buah wad dengan 151 buah katil berbanding dengan 96 buah katil pada tahun 1975. Pada Oktober 2009, unit CCU telah dibuka secara rasmi dengan 2 buah katil beroperasi.

Keratan akhbar berkenaan tawaran tender pembinaan Hospital Banting



# YBRS.DR.SABRINA BINTI CHE AB.RAHMAN

*Pengarah Hospital Banting 2018*

## Kata Aluan Pengarah



YBRS. DR. SABRINA BINTI CHE AB. RAHMAN  
**PENGARAH HOSPITAL**  
01/06/2015 - 29/03/2019

Diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Hospital Banting

Tahun 2018 membuka lembaran baharu bagi Hospital Banting dalam usaha kita memperkukuh perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat. Sebagai sebuah institusi yang menjadi tonggak kesihatan di daerah ini, kita berbangga dengan pencapaian yang telah digapai sepanjang tahun lalu, terutamanya dalam meningkatkan mutu rawatan, memperbaiki kemudahan, dan memperkukuh budaya kerja berpasukan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja Hospital Banting atas dedikasi, komitmen, dan semangat yang tidak pernah luntur dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Tanpa sumbangan saudara-saudari sekalian, kejayaan dan pencapaian yang kita nikmati pada hari ini tidak akan menjadi kenyataan.

Marilah kita bersama-sama meneruskan usaha mempertingkatkan keberkesanan perkhidmatan kesihatan dengan penuh integriti, profesionalisme, dan kesungguhan. Saya yakin dengan semangat kerja sepasukan dan nilai murni yang kita amalkan, Hospital Banting akan terus maju dan menjadi kebanggaan masyarakat setempat.

Akhir kata, saya mendoakan agar tahun 2018 ini membawa lebih banyak kejayaan dan keberkatan kepada kita semua dalam memberi khidmat terbaik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.



# Antara Barisan Pengarah Hospital Banting yang pernah berkhidmat



YBRS. DR. SADASIVAM KANDIAH  
PENGARAH HOSPITAL  
18/09/1982 - 30/06/1991



YBRS. DR. E. PALANIYAPPAN  
PENGARAH HOSPITAL  
19/12/1991 - 30/04/1997



YBRS. DR. ROZITA BINTI MOHAMED  
PENGARAH HOSPITAL  
01/01/2010 - 31/05/2015



YBRS. DR. HAJAH ANISAH BINTI TAHIR  
PENGARAH HOSPITAL  
16/01/2009 - 24/06/2009



YBRS. DR. GHAZI BIN ABD MANAF  
PENGARAH HOSPITAL  
22/06/2009 - 01/11/2010

## VISI & MISI

### VISI

**BERUSAHA MENJADI PUSAT RAWATAN PESAKIT YANG BERKEBOLEH  
CAPAIAN DAN BERSESUAIAN TEKNOLOGI DENGAN  
MENGAMALKAN BUDAYA KORPRAT**


### MISI

**HOSPITAL BANTING ADALAH KOMITED UNTUK MENJADI PUSAT RAWATAN YANG  
BERKUALITI, SELAMAT, BERKESAN SERTA MESRA DAN FOKUS PELANGGAN**



## WAKTU OPERASI DAN WAKTU MELAWAT DI HOSPITAL BANTING

Jabatan	Hari dan Masa
Jabatan Kecemasan dan Trauma	24 jam
Jabatan Farmasi	Isnin - Jumaat 8.00 pagi - 5.00 petang
Jabatan Rekod Perubatan	Waktu Rehat (Isnin - Khamis) 1.00 petang - 2.00 petang  Waktu Rehat (Jumaat) 12.15 tengah hari - 2.45 petang
Masa Melawat	Setiap hari termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum  12.30 tengah hari - 2.00 petang 4.30 petang - 7.00 malam



## Kanak-kanak bawah 12 tahun dilarang melawat pesakit di hospital



### KANAK-KANAK BAWAH 12 TAHUN DILARANG MELAWAT PESAKIT DI HOSPITAL

Tahap imunisasi yang rendah memudahkan jangkitan penyakit berjangkit dari pesakit kepada kanak-kanak



Keselamatan kanak-kanak terhadap alatan perubatan (tong alatan tajam, gunting dan lain-lain)

Waktu rehat pesakit terganggu dan melambatkan proses penyembuhan



Pelawat diminta patuh terhadap arahan pihak keselamatan bagi kesejahteraan bersama  
**RUJUKAN : EDARAN VISITATION POLICIES FOR CAREGIVING AND VISITORS AT MOH HOSPITALS DURING THE TRANSITION PHASE TO COVID-19 ENDEMIC**








# JABATAN PEDIATRIK HOSPITAL BANTING

## 1.0 PENGENALAN

Jabatan Pediatrik, Hospital Banting terdiri daripada:



Perkhidmatan rawatan Klinik Kepakaran Pediatrik dijalankan 3 sesi seminggu



Wad kanak-kanak (Wad 4) terdiri daripada 1 wad yang mampu memberi perkhidmatan kepakaran pediatrik kepada pelanggan. Sebahagian besar perkhidmatan adalah rawatan dalaman Pediatrik am dan Neonatologi.

## 2.0 PERKHIDMATAN

### Rawatan Pesakit Dalam

- SCN
- Pediatrik HDU
- Neonatal HDU
- Pediatrik Am

### Rawatan Pesakit Luar

- Klinik Neonatologi
- Klinik Asthma
- Klinik General Pediatrik
- Klinik General Pediatrik
- Klinik Asthma

### Rawatan Harian (Daycare)

Thalasemia, Hemophilia, Kanser dan lain-lain dalam tempoh kurang dari 24 jam.



# JABATAN PEDIATRIK HOSPITAL BANTING

## Program/Aktiviti



Lawatan CSR PERKISA,  
Jabatan Statistik Negara  
(31 Mac 2018)



Kursus Paediatric Update  
1/2018 (4 April 2018)



Lawatan PERKEP Kuala  
Langat sempena Hari Polis  
ke-211 (6 April 2018)



Talesemia Camp  
17 November 2018



Nurses Day ( 16 Mei 2018)



Program Komuniti Orang Asli  
@Kg Sungai Judah Pulau  
Carey (1 Mei 2018)



# Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Banting



## SENARAI ANGGOTA JABATAN PSIKIATRI 2017

No	Nama	Jawatan
1	Dr Norulsuhada binti Munjir	Psychiatrist UD54
2	Dr Osman Ahmad bin Najeeb Ahmad	Medical Officer UD44
3	Dr Muhammad Hanif bin Abdul Latif	Medical Officer, UD44
4	PPP Zulkarnaini	Medical Assistant, U29



## AKTIVITI & PENCAPAIAN 2018



Hospital Rujukan	Jumlah Pesakit
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	26 pesakit
Hospital Sungai Buloh	2 pesakit
Hospital Seremban	2 pesakit

Jadual menunjukkan jumlah kemasukan pesakit dari daerah Kuala Langat ke Hospital Hospital rujukan.

Jabatan	Jumlah kes
Kecemasan	158
Jabatan Lain	103

Jumlah kes liaison yang dirujuk ke Jabatan Psikiatri



# JABATAN FARMASI

## Perkhidmatan

-  **Farmasi Bekalan Wad**
-  **Farmasi Logistik**
-  **Unit Maklumat Ubat**
-  **Farmasi Wad**
-  **Farmasi Galenikal dan Prabungkus**
-  **Terapi Gantian Methadone**
-  **Warfarin Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC Warfarin)**
-  **Farmasi Pesakit Luar**
-  **Farmasi Kecemasan**
-  **Diabetes Medication Therapy Adherence Clinic (DMTAC)**
-  **Therapeutic Drug Monitoring (TDM)**
-  **Geriatric Medication Adherence Clinic**



## PENCAPAIAN



**PERATUS PESAKIT MENDAPATKAN UBAT DALAM TEMPOH 30 MINIT**



Berdasarkan pencapaian masa menunggu sepanjang tahun 2018, didapati, Unit Farmasi Pesakit Luar dan tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu 95% pesakit yang menunggu mendapat ubat dalam tempoh 30 minit sebanyak tiga kali begitu juga pada tahun 2017 dan 2016.



# JABATAN FARMASI

## Aktiviti



**PAMERAN DAN CERAMAH KENALI UBAT ANDA  
JABATAN FARMASI 2018**




**PAMERAN KEMPEN ANTIBIOTIK AWARENESS WEEK 2018  
TELAH DIADAKAN DI RUANG MENUNGGU FARMASI  
PESAKIT LUAR PADA 5 DISEMBER 2018 (9 AM- 4 PM).**



# UNIT ASET DAN STOR

## Hospital Banting



### PELAN PENAMBAHBAIKAN TAHUN 2018

BIL.	PERKARA	SASARAN
1	Melaksanakan Tindakan Pemutihan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPA) iaitu menyemak semula dengan mengenalpasti kategori aset, pemeriksaan aset tahunan dan kemaskini data	100%
2	Taklimat Pengurusan Aset dan Stor Baharu kepada Jabatan/Unit bagi memantapkan lagi Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPA) di Hospital Banting	1 kali





## TAHUKAH ANDA

aset kerajaan diklasifikasikan kepada 4


### 1. Aset Alih

Aset yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain termasuk aset yang dibekalkan atau dipasang sekali dengan bangunan, Contoh: perkakasan komputer, mesin dan kenderaan.



### 2. Aset Tak alih

Aset yang kekal dan tidak boleh dialihdari tempatnya iaitu tanah, infrastuktur dan bangunan. Contohnya tanah yang diwartakan, jalan raya, jambatan dan kompleks bangunan pejabat.



### 3. Aset Hidup

Aset bernyawa iaitu tumbuhan haiwan dan ikan. Contoh: binatang ternakan zoo, haiwan ternakan, dan haiwan keperluan penyelidikan dan operasi.



### 4. Harta Intelek

Aset bukan fizikal yang merupakan hasil ciptaan seperti reka cipta, rupa bentuk, petunjuk geografi, karya sastera dan karya seni. Contoh: perisian komputer, penemuan kajian penyelidikan, karya penulisan dan harta warisan budaya






# UNIT HAEMODIALISIS (HDU) HOSPITAL BANTING



MULA BEROPERASI PADA TAHUN 2001



## Terapi Cuci Darah HEMODIALISIS

Tujuan dari hemodialisis itu sendiri diantaranya adalah untuk menggantikan fungsi kerja ginjal untuk proses ekskresi (membuang produk sisa metabolisme dalam tubuh, misalnya ureum, kreatinin, dan produk sisa metabolisme lainnya).

Fungsi lainnya seperti menggantikan fungsi ginjal untuk mengeluarkan cairan tubuh yang pada saat ginjal masih sehat cairan tersebut dikeluarkan berupa urin.





# JABATAN OBSTETRIK & GINEKOLOGI

HOSPITAL BANTING



## Info:




Jabatan ini Memberikan rawatan serta penjagaan yang optima dan mengurangkan kadar mortaliti dan morbidity untuk ibu dan bayi.

Jabatan ini juga memberikan penjagaan dan rawatan ginekologi yang berkualiti dalam bentuk saringan, diagnosa awal, rawatan cepat dan pemulihan awal dan rehabilitasi yang dapat mengurangkan komplikasi morbidity dan mortaliti.




# JABATAN PEMBEDAHAN AM HOSPITAL BANTING


## Perbandingan 2017 dan 2018 (TOTAL ADMISSIONS)



## Perbandingan 2017 dan 2018 (TRANSFER OUT)




## Perbandingan 2017 dan 2018 (BED OCCUPIENT RATE)




# JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN



## PERBANDINGAN BILANGAN PESAKIT/PELANGGAN YANG DIHIDANGKAN DIET DALAM TAHUN 2016, 2017 DAN 2018



## STATISTIK KEPUASAN PELANGGAN 2018



# JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN

## AKTIVITI

### PERHIMPUNAN PAGI HOSPITAL BANTING ANJURAN JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN HOSPITAL BANTING



### WAKIL JABATAN UNTUK PERTANDINGAN PENYEDIAAN SNEK YANG SIHAT PERINGKAT HOSPITAL BANTING



# AKTIVITI-AKTIVITI JABATAN RADIOLOGI HOSPITAL BANTING



Lawatan Penyeliaan Ke Jabatan Radiologi Hospital Banting Di Bawah Zon Penyeliaan Jabatan Radiologi Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.


Selangor Research Week 2018. Pegawai Perubatan Jabatan Radiologi Hospital Banting telah menyertai Pertandingan Poster Presentation dengan sebuah poster yang bertajuk 'Tuberculosis of Rib: A Case Report'.



Perhimpunan Bulanan Peringkat Hospital Banting



# Unit Kejururawatan Hospital Banting



**Sebanyak 4 aduan yang berkaitan dengan Jururawat dari Januari - Disember 2018. Peningkatan sebanyak 25% kenaikan aduan dari tahun 2017. Unit Kejururawatan berusaha keras dalam menambahbaik kelemahan yang telah dikenalpasti.**



KEMENTERIAN KESEHATAN MALAYSIA

"Nurses, A Voice to Lead, Health is a Human Right"

SELAMAT MENYAMBUT **HARI JURURAWAT SEDUNIA** 12 MEI 2018



# UNIT PERUBATAN FORENSIK HOSPITAL BANTING

## AKTIVITI & PENCAPAIAN 2014-2018

### PERBANDINGAN MENGIKUT BEBAN KERJA TAHUN 2014-2018

Peningkatan beban kerja adalah disebabkan pertambahan populasi di kawasan Kuala Langat. Kes-kes bedah siasat warga negara asing juga semakin bertambah di sebabkan banyak pembangunan di sekitar kawasan ini.



### AKTIVITI DERMA ORGAN DI UNIT FORENSIK

Unit forensik telah bekerjasama dengan Organ Donation Team dalam aktiviti pendermaan organ (cadaveric organ donation) dengan persetujuan waris si mati. Si mati telah terlibat dalam kemalangan jalan raya pada bulan November 2018, dan telah berikrar untuk mendermakan organ beliau sekiranya beliau sudah meninggal dunia. Waris si mati bersetuju untuk mendermakan organ iaitu tulang. Proses pengambilan tulang si mati telah dilakukan dengan jayanya di dewan bedah Hospital Banting. Ini merupakan kejayaan pertama bagi cadaveric organ donation yang telah dilakukan di Hospital Banting.








# UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN

H  
O  
S  
P  
I  
T  
A  
L  
B  
A  
N  
T  
I  
N  
G



BIL	TARIKH	PROGRAM / AKTIVITI
1	14 Jun 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) Cawangan Hospital Banting
2	9 Apr 2018	Penyerahan Cek oleh PKNS kepada Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia Cawangan Hospital Banting – RM25,000.00
3	3 Dis 2018	Mesyuarat Pelaksanaan Standard Operating Procedure (SOP) Baharu Profesion Pegawai Kerja Sosial Perubatan (PKSP), Kementerian Kesihatan Malaysia
4	5 Dis 2018	Jemputan menghadiri Program Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa Peringkat Hospital Selayang
5	Sepanjang tahun	Lawatan ke Rumah Pesakit bagi Kes Bantuan Praktik dan Terapi Sokongan Emosi

## PROGRAM DAN AKTIVITI UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN BAGI TAHUN 2018



# JABATAN PATOLOGI

**A K T I V I T I  
2 0 1 8**



Lawatan audit perkhidmatan perubatan transfusi peringkat negeri Selangor oleh Jabatan Perubatan Transfusi, HTAR Klang selaku wakil.



Majlis Perhimpunan Pagi Hospital Banting 2018



# UNIT HAL EHWAL ISLAM (UHEI) HOSPITAL BANTING

Program Apresiasi Hari Kebesaran Islam  
Ceramah Maulidur Rasul 1440H /2018M  
7 Disember 2017 / 29 Rabiul Awwal 1440H



Program Apresiasi Hari Kebesaran Islam: Ceramah Maal Hijrah 1440H / 2018M  
9 Oktober 2018 / 29 Muharram 1440H



# UNIT HAL EHWAL ISLAM (UHEI) HOSPITAL BANTING

Ceramah Integriti & Jati Diri Muslim  
20 Mac 2018 / 2 Rejab 1439H




Program Apresiasi Hari Kebesaran Islam: Ceramah Maal Hijrah 1440H / 2018M  
9 Oktober 2018 / 29 Muharram 1440H



# INFO KESIHATAN

## Report Card: Kesihatan Wanita Malaysia

Memperkasa kesihatan wanita di Malaysia



**18.3%** wanita menghadapi  
**Darah Tinggi**

**19.3%** wanita menghadapi  
**Diabetes.**



**20.6%** wanita **obese**

**28.3%** wanita masalah  
**berat berlebihan.**



**1 dari 3** wanita  
**tidak aktif**



Hari Wanita  
Sedunia.  
Memperkasa  
kesihatan  
wanita M'sia



Public Health  
Malaysia



**1 dalam 2** atau **52.2%**  
wanita menghadapi penyakit  
**kolesterol tinggi**



Hanya **11.5%** atau **1**  
**dalam 8** wanita makan  
sayur dan buah-buahan  
mencukupi



**1.4%** wanita  
**merokok**



Kanser Tertinggi  
adalah **Payudara**  
**39.3 orang**  
dalam **100,000**  
populasi diikuti **kanser**  
**kolorektal & pangkal**  
**rahim.**

# SUDUT HIBURAN



**DITERBITKAN OLEH**



**Hospital Banting, Jalan Sultan Alam Shah, 42700**

**Banting, Selangor.**

**Tel: +603 3187 1333**

**Faks: +603 3181 8834**

**Emel: [hospitalbanting@moh.gov.my](mailto:hospitalbanting@moh.gov.my)**